



PERIKSA... Dr. John meneliti ciri-ciri utama paus bersama pegawai lain.

Punca ikan paus terdampar akibat penyakit tidak diketahui

NST 09-08-2012 5

KOTA KINABALU: Punca utama ikan paus berukuran 15.80 meter panjang dan seberat lebih 10 tan yang ditemui terdampar di pantai Sungai Sitompok Kuala Penyu minggu lalu disebabkan penyakit yang tidak diketahui.

Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Dr. Saleem Mustafa berkata berdasarkan pemeriksaan awal pasukan penyelidik IPMB universiti itu mendapati terdapat beberapa luka yang semakin pulih dan kupasan kulit badan disebabkan kecederaan lampau dan pendedahan kepada cahaya matahari.

"Pasukan penyelidik juga mendapati ikan paus itu kelihatan kurus dan tidak dapat berenang walaupun ada usaha untuk memasukkannya ke dalam air bagi menyelamatkannya.

"Kami percaya punca utama ikan paus terdampar disebabkan penyakit yang tidak diketahui. Bagaimanapun faktor-faktor lain seperti keadaan badan yang semakin lemah, usia tua juga boleh menjadi punca kematian," katanya pada sidang akhbar di Bilik Mesyuarat, IPMB, universiti itu, di sini, pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika mengumumkan penemuan awal pasukan penyelidik dari institut itu mengenai ikan paus yang terdampar di Kuala Penyu.

Turut hadir, kesemua penyelidik IPMB UMS yang terlibat dalam kajian itu iaitu Dr. Julian Ransangan, Dr. John Madin dan Muhammad Ali Syed Hussein.

Dr. Saleem berkata saintis UMS, pelbagai agensi kerajaan dan penduduk setempat berusaha menyelamatkan ikan paus berkenaan dengan menyembur air laut dan menggerakkan ikan itu ke dalam air tetapi tidak berjaya kerana ia terlalu lemah untuk berenang.

Ikan paus itu mati selepas hampir 12 jam terdampar di pantai.

Dr. Saleem berkata, ikan paus terutamanya ikan paus Bryde terkandas, bukanlah sesuatu yang baru di Sabah kerana ia telah dilaporkan sejak beberapa kali sebelum ini.

Bagaimanapun katanya dalam banyak kejadian, usaha untuk menyelamatkan ikan paus yang terkand-

as sering tidak berjaya.

Katanya, kebanyakannya mati akibat kecederaan dan dehidrasi dalaman yang disebabkan oleh ketidakupayaan untuk menyokong berat badan apabila keluar daripada air dan lemas.

"Insiden paus terkandas mungkin meningkat akibat perubahan iklim. Oleh itu, kita di Sabah perlu lebih bersedia untuk menghadapi keadaan itu pada masa akan datang," katanya.

Sementara itu Dr. John berkata, paus Bryde adalah paus kawasan persisiran dan bukannya paus laut terbuka. "Ikan paus yang terdampar dekat Kuala Penyu baru-baru ini bukan jenis ikan paus pemangsa, ia hanya makan ikan-ikan kecil seperti ikan bilis".

Beliau berkata berdasarkan rekod kajian sejak tahun 1970 sehingga kini, kebanyakan ikan paus terdampar di negeri ini sama ada yang dilihat masih hidup atau mati ialah di kawasan pesisiran pantai Semporna, kawasan utara Sabah dan pantai barat.

"Jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia, negeri Sabah mempunyai rekod tertinggi bagi ikan paus terdampar disebabkan kedudukannya yang dikelilingi tiga lautan iaitu Laut China Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi," katanya.

Katanya, ikan paus yang terdampar di Kuala Penyu itu dipercayai melalui kawasan Laut Cina Selatan kerana ia didapati terdampar berdekatan dengan perairan Laut Cina Selatan.

"Pemeriksaan awal mendapati ikan paus itu adalah paus baleen, dalam keluarga Balaenopteridae.

"Walaupun banyak ciri-ciri morfologi menyerupai keterangan itu namun ciri-ciri lain kemungkinan besar ia adalah paus Bryde. Bagaimanapun ia belum dikenalpasti, sehubungan itu pihak penyelidik mengambil sampel tisu untuk dianalisis bagi memastikan spesies sebenar ikan paus berkenaan," katanya.

Katanya, berdasarkan rekod, mamalia itu dilaporkan telah bergerak di kawasan seluas lebih 350 juta kilometer persegi terutamanya di sepanjang perairan tropika dan subtropika. **-OLEH MARRYAN RAZAN (marryan@newsbahtimes.com.my)**